

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN MASALAH KESIHATAN SEKSUAL DAN REPRODUKTIF DI KALANGAN REMAJA

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-90
1 Mac 2010

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada pengamal perubatan yang terlibat secara langsung dalam mengendalikan kes-kes atau masalah seksual di kalangan remaja Islam. Garis panduan ini juga boleh dijadikan rujukan atau panduan hukum kepada masyarakat awam khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengguguran kandungan.

LATAR BELAKANG

1. Masalah kesihatan seksual dan reproduktif yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia merangkumi empat isu yang menjadi empat subtopik utama dalam garis panduan ini, iaitu:
 - i. Kehamilan di kalangan remaja dan pengguguran;
 - ii. Jangkitan Kelamin - HIV/AIDS;
 - iii. Pengurusan Keganasan Seksual (Rogol, Cabul, Liwat dan Sumbang Mahram); dan
 - iv. Perkhidmatan Kontraseptif.
2. Terdapat beberapa isu syariah yang timbul dalam keempat-empat topik tersebut seperti berikut:
 - i. Pengguguran anak kepada remaja yang normal dan remaja OKU. Ia bertujuan untuk menyekat kes-kes pembuangan bayi dan membantu mengurangkan rasa trauma dan takut seseorang remaja perempuan akibat kehamilan luar nikah.
 - ii. Pemakaian kondom oleh remaja yang belum berkahwin agar tidak dijangkiti penyakit kelamin HIV/AIDS. Kaedah ini hanya membuka ruang amalan seks bebas berlaku kerana ia hanya

bertujuan untuk menyekat penyakit berjangkit tetapi tidak menolak perbuatan zina itu sendiri.

- iii. Pemberian pencegahan kehamilan iaitu 'emergency pil' yang berupaya mencegah kehamilan dalam masa 72 jam dari tempoh hubungan seks berlaku. Dalam perkara ini pemberian pil ini merupakan salah satu daripada sadd al-zari`ah untuk menghalang berlakunya kehamilan yang tidak diingini yang bukan dengan kerelaan sendiri. Justeru, penafsiran mangsa rogol perlu diperjelaskan kerana sekiranya pil ini diberikan kepada pasangan yang melakukannya dengan kerelaan ia hanya akan membuka ruang perzinaan.
- iv. Kontraseptif adalah bahan atau kaedah sama ada kondom, pil atau apa-apa kaedah yang berkaitan yang digunakan sebelum atau semasa berlakunya hubungan seks untuk mengelakkan kehamilan. Hukum kontraseptif boleh dikiaskan kepada hukum azal dalam Islam. Namun, hukum azal harus bagi pasangan yang berkahwin sahaja. Manakala bagi pasangan yang belum berkahwin, kaedah ini hanya akan membuka lagi ruang perzinaan.

GARIS PANDUAN

1. Pengguguran Kandungan:

**Bagi Pasangan Suami Isteri Yang Sah
(Disebabkan Kecacatan Yang Teruk Dan Penyakit Yang Mengancam
Nyawa):**

- i. **Makruh** menggugurkan janin yang berumur **antara satu hingga 40 hari** sekiranya tidak mendatangkan bahaya pada ibu dan mendapat persetujuan kedua-dua suami isteri;
- ii. Pengguguran janin yang berumur **sebelum 120 hari** adalah **harus** sekiranya janin itu **cacat dan berpenyakit** yang boleh **membahayakan nyawa ibu**; dan
- iii. Pengguguran janin yang telah **berumur 120 hari atau lebih** adalah **haram** kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah ke atas janin yang telah ditiupkan roh kecuali pengguguran itu **untuk menyelamatkan nyawa ibu atas sebab kecacatan yang teruk**.

Bagi Pasangan Luar Nikah (Rogol / Zina)

Rogol

- i. **Haram** menggugurkan kandungan janin yang telah **berumur lebih 120 hari** kerana pengguguran itu dianggap satu jenayah bunuh ke atas janin yang telah ditiupkan roh **kecuali** pengguguran itu untuk **menyelamatkan nyawa ibu**.
- ii. Pengguguran janin yang berumur **sebelum 120 hari** adalah **harus** sekiranya janin itu **cacat dan berpenyakit teruk** yang boleh **membahayakan nyawa ibu**.

Zina

Menggugurkan kandungan zina adalah **haram dalam semua keadaan** kecuali mengekalkan kandungan akan memudaratkan nyawa ibu.

Bagi Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)

- i. OKU (ujian akal di bawah paras 80) **harus menggugurkan kandungan yang berusia kurang daripada 120 hari**.
- ii. **Haram** menggugurkan kandungan yang **berusia lebih daripada 120 hari** kecuali jika **memudaratkan nyawa ibu**.

2. Pemberian Bahan Kontraseptif:

Bagi Pasangan Suami Isteri Yang Sah

- i. Hukum kontraseptif boleh diqiaskan kepada hukum azal dalam Islam. Namun, hukum **azal harus** bagi pasangan dalam **perkahwinan yang sah** sahaja.
- ii. Penggunaan pil perancang kehamilan **dibenarkan** selama mana ia **membantu pasangan yang sah untuk merancang keluarga** bersandarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w. :

قَالَ عَمْرٌو وَأَخْبَرَنِي عَطَاءُ سَمِعَ جَابِرًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كُنَّا نَعْزَلُ
وَالْقُرْآنَ يَنْزِلُ
(رواه بخاري)

Maksudnya: `Amr berkata, "Dan dikhabarkan kepadaku oleh `Ata', beliau mendengar Jabir RA berkata, Kami melepaskan air mani di luar faraj dan waktu itu al-Quran diturunkan (jika ia dilarang sudah pasti Al-Quran menjelaskan larangannya."

(Diriwayatkan oleh Bukhari)

- iii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-28 memutuskan bahawa **Sistem Susuk Norplant** adalah **harus digunakan**. Penggunaan sistem ini adalah **tertakluk** kepada keputusan Muzakarah Kali Ke-12 pada 20 Januari 1977 yang **memutuskan hukum Perancang Keluarga** adalah seperti berikut:
- a) Memandul lelaki dan perempuan hukumnya adalah **haram**;
 - b) Mencegah beranak atau menghadkan bilangan anak hukumnya adalah **haram** melainkan dengan sebab yang diharuskan oleh syarak bagi orang perseorangan; dan
 - c) Menyusun keluarga dari kesihatan, pelajaran dan kebahagiaan keluarga dengan cara yang selain daripada (a) dan (b) di atas adalah **harus**.

Bagi Pasangan Luar Nikah (Zina/Rogol)

Zina:

- i. Pemberian ubat pencegah kehamilan kepada **remaja** yang masih **belum berkahwin** boleh membawa kepada dua keadaan iaitu sama ada remaja tersebut mengambil peluang ini untuk bertaubat atau mereka merasakan bahawa kehamilan bukanlah sesuatu yang sukar untuk ditangani jika terjebak dengan hubungan luar nikah.
- ii. Walaubagaimanapun, jika ia mendatangkan **mudharat yang lebih besar** kepada **penzina** atau **anak** yang mungkin akan lahir, **pakar perubatan Islam yang berkelayakan** boleh menentukan **tahap mudharat dan keperluan pemberiannya dengan syarat:**
 - a) untuk kes kali pertama sahaja kepada penzina bukan *muhsan*;
 - b) tiada sokongan ibu bapa, penjaga atau lain-lain;

- c) taraf ekonomi yang meruncing (kemiskinan tegar);
- d) persekitaran tidak sihat;
- e) kesihatan mental dan fizikal;
- f) izin keluarga atau penjaga; dan
- g) memastikan pezina mendapat bimbingan, kaunseling dan pemantauan sempurna.

Rogol:

Pembekalannya adalah **harus** dengan mengambil kira **maksud mangsa rogol** mengikut **perspektif syariah**.

3. Golongan Orang Kurang Upaya (OKU):

- i. Pembekalannya adalah diharuskan untuk menyekat kitaran haid, mengelakkan mereka yang berisiko tinggi dieksploitasi oleh orang yang tidak bertanggungjawab.
- ii. Sekatan kehamilan secara kekal boleh dipertimbangkan oleh pakar perubatan yang berkelayakan jika ia mendatangkan kemudharatan yang lebih besar kepada golongan terbabit atau keluarga.

4. Bagi Golongan Dijangkiti Penyakit:

Pemberian Bahan Kontraseptif **tidak harus** kepada pesakit yang **dijangkiti penyakit seperti HIV atau penyakit kelamin atas perbuatan sendiri**. Tetapi **harus** jika penyakit itu disebabkan oleh **jangkitan melalui suami** (melalui perkahwinan yang sah) atau **pemindahan darah**.

PENUTUP

Adalah diharapkan Garis panduan hukum yang telah ditetapkan ini dapat menjadi panduan dan rujukan semua pihak supaya tidak terjebak dengan perbuatan yang ditegah oleh Islam.